

16/02/2001

Pas kemuka empat agenda perbincangan

KUALA LUMPUR, Khamis - Pas mengemukakan empat agenda untuk perbincangan dengan Umno pada 19 Februari ini serta mencadangkan tajuk asal pertemuan Penyatuan Melayu diubah kepada Perpaduan Nasional.

Empat agenda itu ialah:

* Kepincangan sistem kehakiman: Pas akan secara khususnya membangkitkan isu pendakwaan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim dan akan mengemukakan cadangan bagi menyelesaikan isu itu.

* Pencabulan ke atas demokrasi: Pas akan membangkitkan perkara berkaitan Federalisma dan perlunya kembali kepada semangat perlembagaan dalam hubungan antara kerajaan negeri dan pusat.

* Kepincangan ekonomi: Pas akan mengemukakan pandangan rakyat berhubung dakwaan penyalahgunaan dana awam seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tabung Pencen, Tabung Haji dan Wang Saham Amanah.

* Peminggiran kedudukan dan peranan Islam: Pas akan membangkitkan isu berhubung cadangan Umno untuk menggugurkan penggunaan perkataan 'Islam' pada nama pertubuhan Islam termasuk parti politik.

Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa, berkata cadangan itu yang dipersetujui Lujnah Politik Pas Pusat pada mesyuarat semalam, adalah syarat yang akan menentukan penyertaan parti itu dalam perbincangan berkenaan.

"Kami akan menghantar surat kepada Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob untuk memaklumkan agenda itu," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat parti itu di sini, hari ini.

Nasharudin yang membaca kenyataan dua muka itu berkata, Pas membantah kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa perpaduan Melayu menjadi agenda perbincangan itu.

"Kenyataan Dr Mahathir memberi gambaran kurang baik terhadap suasana perbincangan dan ia melanggar perjanjian awal Jawatankuasa teknikal kedua-dua parti.

"Kenyataan beliau (Dr Mahathir) bahawa perpaduan nasional adalah perpaduan Melayu melukakan sebahagian penyokong Pas dan Barisan Alternatif.

"Pas ingin menegaskan pembabitan dalam perbincangan dengan Umno adalah atas dasar perpaduan nasional bukannya perpaduan Melayu seperti yang dikemukakan Umno," katanya.

(END)